



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 9 SEPTEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	SAMBUAN 100 TAHUN MAHA 2 HARI LAGI, MUKA DEPAN, KOSMO -1 MAHA 2024 MELANGKAH KE ERA LEBIH BERDAYA SAING, NASIONAL, BH -9 MAHA PAMERAN PERTANIAN TERULUNG, TERTUA DI ASIA TENGGARA, NEGARA, KOSMO -5 MAHA 2024 LEBIH MERIAH, NASIONAL, SH -7 BANCİ PERTANIAN 2024, MUKA DEPAN, SH -1 LEBIH 3 JUTA PENGUNJUNG DIJANGKA MERIAHKAN MAHA 2024, BERITA RTM -ONLINE KPKM SALUR RM5.82 JUTA BAGI PROJEK PEMULIHAN SAWAH TERBIAR DI TIGA DAERAH DI SABAH, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
8.	SPESES IKAN KELAH, TEMOLEH DI AMBANG KEPUPUSAN, PARIT, SH -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	MAQIS UTAMAKAN KESELAMATAN PENGUNJUNG MAHA 2024, SH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
10.	MALAYSIA CATAT RM17.5 JUTA DI PAMERAN MAKANAN AUSTRALIA, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11. 12.	TUAI PADI DARAT, MUKA DEPAN, KOSMO -1 ANAK MUDA MALAYSIA PERTAMA TERNAK IKAN GOURAMI, BISNES, SH -30	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2024	KOSMO	MUKA DEPAN	1

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAHMIHAN MAKANAN

SAMBUTAN 100 TAHUN MAHA

2 hari lagi

11-22 | **MAEPS**
SEPTEMBER 2024 | SERDANG, SELANGOR

Terjamin MALAYSIA MADANI 100

HARVESTING TOMORROW THE BLOSSOM

@MAHAOfficial
mahaofficial.my

www.kpkmm.gov.my

MAHA 2024 melangkah ke era lebih berdaya saing



Sambutan 100 tahun penganjuran dengan skala besar dijangka pikat kehadiran 3 juta pengunjung

Oleh Esau Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Meraikan sambutan 100 tahun penganjurannya, Pameran Pertanian Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa 2024 (MAHA 2024) akan diadakan dengan berskala besar, berlangsung selama 12 hari di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang pada 11 hingga 22 September ini.

Ketua Sekretariat MAHA 2024, Zurihanmi Zakariya, berkata dengan tema 'Menuai Harapan Membina Masa Hadapan', MAHA 2024 dijangka dapat menarik kehadiran seramai 300,000 pengunjung setiap hari atau tiga juta pengunjung sepanjang tempoh penganjuran dengan nilai jualan langsung sebanyak RM40 juta.

"Bagi potensi pelaburan, MAHA 2024 menyasarkan sebanyak RM6 bilion dengan peningkatan sebanyak lima peratus iaitu RM5.64 bilion pada MAHA 2022, manakala untuk potensi pembiayaan dijangkakan RM600 juta akan diperoleh daripada 4,000 permohonan.

"Pihak penganjur menerima hampir 5,000 permohonan daripada mereka yang berminat untuk menyertai MAHA 2024 sebagai pempamer dan usahawan.

"Bagaimanapun, penganjur hanya mampu menerima separuh daripada permohonan berkenaan dan ia menunjukkan MA-



Zurihanmi (kanan) melihat persiapan sempena Sambutan 100 Tahun MAHA 2024 di MAEPS Serdang. (Foto Aswadi Alias/BH)

HA menjadi satu platform yang penting bagi pemain industri pertanian, perikanan, penternakan dan industri asas tani," katanya. Zurihanmi berkata, MAHA 2024 yang bermula dari jam 10 pagi hingga 10 malam setiap hari juga akan menjadi medan sektor pertanian berteknologi tinggi di peringkat global yang menyasarkan penyertaan lebih 29 negara.

"MAHA 2024 akan melangkah ke era yang lebih berdaya saing, inovatif dan lebih kontemporari dalam penganjurannya dengan memberikan penekanan kepada sektor keterjaminan makanan yang mampu menarik penyertaan generasi muda,

"Perkembangan teknologi pada masa kini dengan penggunaan kecerdasan buatan (AI), Internet Pelbagai Benda (IoT) dan kepelbagaian teknologi yang berupaya meningkatkan produktiviti pastinya akan menarik generasi muda menceburkan diri dalam sektor pertanian," katanya.

Bellau berkata, MAHA 2024

akan membawakan segmen 'MAHA Go Global' dengan pembabit 16 negara, termasuk China, Jepun, Amerika Selatan, Russia, Thailand, Indonesia, Negara Eropah, India, Brunei, Uzbekistan, Australia dan negara Timur Tengah.

"MAHA Go Global bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan perniagaan dalam sektor pertanian dan hortikultur, meningkatkan eksport dan menggalakkan inovasi.

"Ia platform yang berharga untuk profesional industri bagi membina rangkaian, belajar dan meneroka peluang perniagaan baharu. Tiga hari pertama iaitu 11 hingga 13 September 2024 dibuka khusus untuk komuniti perniagaan," katanya.

48 segmen menarik

Tambah beliau, MAHA 2024 akan menampilkan 48 segmen menarik membabitkan aktiviti pameran dan jualan meliputi seluruh ekosistem berkaftan rantaian nilai agromakanan.

"MAHA 2024 kali turut akan menampilkan lapan segmen yang akan menjadi tarikan baharu pengunjung, termasuk 'Floating Market', 'Lighting 3D Water Show', 'Glamping and Motorhome bertemakan Dekorasi Perkampungan Pertanian', 'Magical At Night', 'Kids Attraction', 'Rhythm of Farmers', 'Agro Fit' dan 'Miracle Garden bertemakan Sunflower Biorhythm Bloomscape'.

"MAHA 2024 juga mengekalkan 13 pavilion negeri, masing-masing mempunyai reka bentuk yang unik.

"Pavilion negeri yang dijangka menampilkan ciri-ciri negeri di Malaysia termasuk keunikan kesenian budaya, pusat tarikan pelancongan, produk dan makanan yang boleh dinikmati oleh pengunjung," katanya.

Katanya, untuk kemudahan kepada pengunjung, selain perkhidmatan dalam tram, MAHA 2024 akan menyediakan laluan pejalan kaki berbumbung sepanjang 1.1 kilometer (km) bermula dari pintu masuk utama tapak

MAHA 2024 lebih kontemporari dalam penganjurannya dengan memberikan penekanan kepada sektor keterjaminan makanan yang mampu menarik penyertaan generasi muda



Zurihanmi Zakariya, Ketua Sekretariat MAHA 2024

program sehingga kawasan pameran.

"MAHA 2024 juga mempelbagaikan mod perkhidmatan pengangkutan dengan menyediakan 10 unit tram, empat unit trektor dan gerabak, 30 unit bas yang disediakan bagi membawa pengunjung melawat lokasi menarik di setiap laman ke lokasi tarikan sekitar MAHA 2024.

Selain itu, MAHA 2024 menyediakan perkhidmatan kenderaan elektrik (EV), perkhidmatan sewaan buggy, penawaran servis penghantaran pesanan, perkhidmatan 'Sick Bay', perkhidmatan servis orang kurang upaya (OKU), kemudahan tandas dan surau serta tempat makan.

"Petunjuk arah, panduan pengunjung, kemudahan solat Jumaat, perkhidmatan pengecasan telefon pintar dan cenderahati MAHA turut disediakan pada MAHA kali ini," katanya.

Katanya, sebanyak 4,800 lot parkir kereta disediakan di Parkir Pintu 1, manakala sebanyak 1,500 lot parkir kereta disediakan di Parkir Pintu 2 MAEPS Serdang.

"Bagi pengunjung yang menggunakan kereta, bayaran caj masuk adalah sebanyak RM5.00 sekali masuk, manakala motosikal dan bas adalah percuma di parkir yang telah dikhaskan.

"Untuk kemudahan pengangkutan awam pula, bas ulang-alik percuma disediakan dari MAEPS Serdang dengan kadar kekerapan tertentu ke lokasi seperti Laluan Transit Aliran Massa (MRT) Universiti Putra Malaysia (UPM) ke MAEPS, UPM ke MAEPS, Putrajaya Wetland ke Laman Tiba 2 MAEPS dan IOI City Putrajaya ke Laman Tiba 2 MAEPS," katanya.

Katanya, pengunjung digalakkan menggunakan kemudahan awam bagi mengelakkan kesesakan trafik ke MAHA 2024.



Antara persiapan Pameran Pertanian Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) 2024 di MAEPS, Serdang.





ZURIHANMI membuat persiapan akhir di tapak pameran MAHA 2024 di MAEPS, Serdang baru-baru ini.



ANTARA tarikan istimewa MAHA tahun ini mempamerkan beberapa lembu sado kepada para pengunjung.

MAHA pameran pertanian terulung, tertua di Asia Tenggara

Oleh FARID AHMAD TARMJI

DIANJURKAN secara dwi tahunan, Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) menjadi satu program yang sentiasa dinantikan oleh rakyat negara ini.

Jika dihitung, MAHA telah mencapai usia 100 tahun penganjurannya sejak diperkenalkan pada tahun 1923.

Maka tidak hairanlah MAHA mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan telah berevolusi melalui pelbagai peringkat sehingga seperti ini yang dikenali pada hari ini.

Malah sempena satu abad penganjurannya, MAHA 2024 akan diadakan pada 11 hingga 22 Sep-

“MAHA 2024 juga menyasarkan jumlah kehadiran pengunjung tiga juta orang.”

ZURIHANMI



tember ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di Serdang, Selangor.

Ketua Sekretariat MAHA 2024, Zurihanmi Zakariya berkata, apa yang lebih istimewa MAHA 2024 kali ini meraihan 100 tahun penganjurannya setelah kali pertama dianjurkan pada 30 Jun hingga 2 Julai 1923.

Menurutnya, setelah 100 tahun penganjuran, MAHA menjadi pameran pertanian yang terulung dan tertua di rantau Asia Tenggara.

“Meraihan 100 tahun penganjuran, MAHA 2024 akan memberi penekanan kepada elemen yang mengangkat MAHA ke peringkat antarabangsa dengan penglibatan penyertaan daripada pelbagai negara, mencetus pembangunan daya tahan dalam sektor ketahanan makanan dan mengangkat minat golongan muda untuk turut serta dan menjadikan sektor ini sebagai sumber pendapatan utama.”

“Untuk penganjuran tahun ini juga kita menyasarkan pendekatan baru iaitu MAHA Go Global dengan menarik penyertaan berbagai negara untuk bersama-sama dalam program ini.

“Kita mendapat penyertaan yang sangat baik dan ini kali pertama MAHA membuka secara rasmi penyertaan daripada negara-negara luar,” katanya.

Tambah beliau, MAHA 2024 mendapat penyertaan lebih daripada 20 negara dan 16 daripadanya akan membuka pavilion mereka dalam pameran tersebut.

Dalam pada itu, tema bagi MAHA 2024 adalah, ‘Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom,’ atau-



pun menuai harapan membina masa hadapan.

Malah, MAHA 2024 akan menjadi pencetus kepada satu dimensi baharu sektor pertanian untuk masa hadapan.

Zurihanmi menjelaskan, MAHA 2024 akan memberikan penekanan kepada berbagai elemen.

“Kita juga akan bawakan kepada pengunjung, pemain industri dan sebagainya tentang pendekatan teknologi terkini dalam sektor pertanian bukan hanya di Malaysia tetapi di luar negara.

“Kita akan memperkenalkan secara intensif kepada petani-petani kita tentang teknologi *Internet of Thing* (IoT), kecerdasan buatan (AI) dan sebagainya untuk diaplikasikan secara menyeluruh dalam sektor pertanian negara.

“Malah, jika dilihat pada perkembangan tahun terdahulu, sebagaimana kita memperkenalkan teknologi dron pada peringkat awal dulu dan kini telah diterima baik dalam kalangan masyarakat umum,” terangnya.

Dalam pada itu, MAHA 2024 juga menyasarkan jumlah kehadiran pengunjung seramai tiga juta orang sepanjang program itu yang turut berlangsung pada musim cuti persekolahan.

Selain itu, jumlah nilai memorandum persefahaman (MoU) yang

diunjurkan bernilai RM6 billion dan nilai jualan langsung sepanjang program sebanyak RM40 juta.

Mengulas lanjut, Zurihanmi berkata, bagi MAHA 2024 akan ada lebih 2,000 pampamer dan juga usahawan yang akan bersama dengan mereka pada program itu.

“Untuk usahawan makanan sahaja kita ada hampir 1,000 gerai dan jumlah itu agak tinggi memandangkan kita menyasarkan bilangan kehadiran sebanyak 300,000 orang setiap hari.

“Malah kita juga memberi nasihat ikhlas kepada para pengusaha makanan yang akan berniaga sepanjang tempoh MAHA 2024 untuk menjual makanan mereka pada kadar yang munasabah dan mampu milik kepada pengunjung,” terangnya.

Selain itu, untuk kemudahan kepada pengunjung yang hadir ke MAHA 2024 ada beberapa perkara baharu yang dibawa demi ke-selesaian.

Laluan berjalan kaki sejauh 1.1 kilometer yang berbumbung turut disediakan bagi kemudahan para pengunjung.

Selain itu Zurihanmi berkata, pilihan perkhidmatan pengangkutan juga dipelbagaikan di sekitar MAEPS untuk kemudahan kepada pengunjung bergerak.

“Kita bukan hanya ada tram, tetapi kita juga menyediakan pelbagai jenis buggy, kenderaan elektrik (EV) dan bas untuk para pengunjung.

“Malah stesen MRT Universiti Putra Malaysia (UPM) yang terdekat dengan MAEPS juga telah beroperasi dan kita galakkan pengunjung untuk datang ke MAHA

2024 dengan menggunakan kemudahan MRT ini.

“Kita juga akan menyediakan kemudahan shuttle secara percuma dari stesen MRT untuk ke tapak pameran,” katanya.

Tambah beliau, pengunjung digalakkan menggunakan kemudahan shuttle secara percuma dari stesen MRT untuk ke tapak pameran,” katanya.

Dalam pada itu, MAHA 2024 yang berlangsung selama 12 hari itu, turut menampilkan lebih 30 segmen menarik melibatkan aktiviti pameran dan jualan meliputi seluruh ekosistem berkaitan rantau nilai agromakanan.

Untuk pengisian dalam dewan, segmen-segmen yang terlibat adalah seperti Agro-Tech, Agro-Life-style, Agro-Tourism, Agro-Youth dan banyak lagi.

Segmen pameran dan jualan di luar-dewan pula melibatkan laman seperti Agro-Food Padli, Agro-Food Florikultur, Agro-Food Nanas, Agro-Food Ternakan dan pelbagai lagi.

Malah MAHA 2024 kali ini turut menampilkan laman segmen yang akan menjadi tarikan baharu pengunjung termasuklah *floating market*, pertunjukan formasi muzikal air serta glamping dan motorhome.

Zurihanmi berkata, semua negeri juga turut menyertai pameran MAHA 2024.

“Setiap negeri akan ada pavilion termasuk Wilayah Persekutuan yang kali pertama akan membangunkan pavilion sendiri

“Selain itu, terdapat pelbagai jenis lembu sado dan dua ekor gajah akan dipamerkan pada MAHA 2024,” katanya.

MAHA 2024 lebih meriah

Sempena 100 tahun, pameran MAHA 2024 tampil dengan pelbagai aktiviti menarik

Oleh NURUL HUDA HUSAIN
SERDANG

Merayakan 100 tahun penganjurannya, Pameran Pertanian Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) edisi 2024 yang akan berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, mulai 11 September ini tampil menawarkan pelbagai aktiviti menarik buat pengunjung.

Berthemakan 'Menuai Harapan, Membina Masa Hadapan', pameran pertanian utama terbesar di Asia Tenggara yang menyediakan lebih 2,000 ruang jualan dan pameran itu akan dibuka mulai jam 10 pagi hingga 10 malam sepanjang 12 hari acara itu diadakan.

Ketua Sekretariat MAHA 2024, Zurihanmi Zakaria berkata, selari dengan tema yang diangkat pada edisi kali ini, acara dwi tahunan tersebut juga bermatlamat untuk meraih masa depan pertanian yang lebih maju dan inovatif selari dengan usaha menjadikan sektor berkenaan sebagai sumber pendapatan utama.

Menurutnya, melangkaui satu abad penganjuran, acara tersebut menjadi pameran sektor pertanian yang sentiasa dinanti oleh segenap lapisan masyarakat kerana membawa elemen teknologi terkini dan penekanan pameran bersifat interaktif dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan negara.

"Kita percaya memandangkan cuti sekolah dan sebagainya, kita bersedia di kawasan yang berkeluasan 130 hektar ini (MAEPS Serdang) untuk menerima kunjungan seramai tiga juta orang sepanjang tempoh program ini.

Bagi pelaksanaan program kita sasar seramai 300,000 pengunjung setiap hari. Terdapat 48 segmen yang kita bawakan khas kepada pengunjung dan masyarakat. Ada elemen yang bersifat konvensional dan ada suntikan baharu khususnya untuk menarik penyertaan golongan muda untuk hadir beramai-ramai," katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan tapak acara berkenaan di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, segmen dalam dewan yang ada antaranya Agro-Tech, Agro-Lifestyle, Agro-Tourism dan Agro-Youth. Bagi segmen pameran atau



Zurihanmi (kiri) meninjau persiapan akhir sempena sambutan 100 tahun MAHA di MAEPS Serdang pada Jumaat.

jualan pula ialah Agro-Food Padi, Agro-Food Florikultur, Agro-Food Nanas, Agro-Food Sayuran & Herba dan Agro-Food Ternakan.

"Selain itu, terdapat 13 pavilion negeri, yang masing-masing mempunyai reka bentuk yang unik.

"Pavilion-pavilion negeri yang dijangka menampilkan ciri-ciri semua negeri di Malaysia termasuk keunikan kesenian budaya, pusat tarikan pelancongan, produk dan makanan yang boleh dinikmati oleh pengunjung," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai tarikan baharu untuk MAHA edisi kali ini, Zurihanmi berkata, terdapat enam segmen atau zon diperkenalkan iaitu *Magical At Night & Water Show*, *Kids Attraction*, *Rhythm of Farmers*, *Agro Fit*, *Sunflower Garden* dan *Floating Market*.

"Selari dengan penganjuran pada musim cuti sekolah, zon *Kids Attraction* ini menyediakan kawasan khusus untuk kanak-kanak bermain dan menyertai pelbagai aktiviti disediakan.

"Tidak lupa juga, tarikan baharu kali ini juga menyediakan ruang *glamping*, *motorhome* dan sebagainya dalam usaha untuk menarik penyertaan golongan muda. Bagi penyertaan aktiviti ini kita galak pengunjung supaya membuat tempahan awal kerana ia terhad," katanya.

Beliau menambah, lembu sado yang menjadi elemen tarikan utama kepada MAHA juga turut ditampilkan selain dua ekor gajah turut di bawa pada kali ini.

Kelainan

Menurut Zurihanmi, menyentuh mengenai pendekatan baharu MAHA 2024 iaitu mempromosikan MAHA *Go Global*, beliau berkata, ia selari dengan

hasrat untuk menjadikan acara edisi kali ini menjadi medan sektor pertanian berteknologi tinggi di peringkat dunia.

"MAHA pada edisi yang ke-100 pada tahun ini membawa kelainan apabila tiga hari pertama iaitu 11 hingga 13 September 2024 dibuka khusus untuk komuniti perniagaan (B2B) di Dewan C dan bagi lain-lain segmen dibuka untuk dilawati oleh semua bermula 11 hingga 22 September 2024.

"Pada edisi kali ini kita telah mempromosikan MAHA *Go Global* kepada negara-negara luar untuk turut serta mempamerkan teknologi pertanian, memadan perniagaan bersama usahawan tempatan di samping membuka peluang potensi pelaburan kepada sektor agromakanan negara," katanya.

Menurutnya, sehingga kini 16 negara telah mengesahkan penyertaan antaranya Jepun, Brunei, Indonesia, Thailand, Hong Kong dan beberapa negara Eropah.

"MAHA 2024 akan menjadi batu loncatan baharu atau pencetus kepada dimensi baharu sektor pertanian untuk 20 hingga 30 tahun akan datang. Jadi untuk kali ini kita akan memberi penekanan kepada pelbagai elemen yang akan dibawa atau perkenalkan kepada pengunjung antaranya kecerdasan buatan (AI), Internet pelbagai Benda (IoT)," katanya.

Pelbagai kemudahan

Zurihanmi dalam masa sama turut memaklumkan pelbagai kemudahan disediakan kepada pengunjung dengan ada antaranya yang telah ditambah baik berbanding sebelum ini.

Antara kemudahan yang ditambah baik katanya, penganjur menyediakan laluan pejalan kaki berbumbung sejauh 1.1 kilometer (km) sebagai usaha untuk memberi lebih keselesaan kepada orang ramai.

"Kita juga menyediakan bas perantara secara percuma kepada pengunjung di beberapa lokasi antaranya di stesen Transit Aliran Masa (MRT) UPM, Putrajaya Wetland, IOI City Putrajaya.

"Selain itu, turut disediakan 10 tram, empat trektor dan gerabak, 30 bas, lebih 100 *buggy* dan kita juga tidak lupa kepada pengunjung orang kurang upaya (OKU)

INFO AKTIVITI MENARIK

- Lembu Sado
- Glamping
- Floating Market
- Sunflower Garden
- Kids Farm Garden
- Jualan Makanan

KEMUDAHAN DISEDIKAN

- Bas Perantara (dari stesen MRT, Putrajaya Wetland, IOI City Putrajaya)
- Kemudahan tempat makan yang selesa
- Perkhidmatan Tram, Bas Rapid KL
- Perkhidmatan servis Sick Bay (petugas kesihatan, ambulans jika berlaku sebarang kecemasan)
- Lebih 6,000 parkir
- Surau
- Tandas

di mana disediakan parkir laluan masuk di Pintu 1 dan 2, kemudahan tandas, surau, tempat makan dan sebagainya," katanya.

Selain menyasarkan tiga juta pengunjung, beliau berkata, MAHA edisi kali ini juga turut meletakkan beberapa sasaran lain antaranya RM6 bilion nilai memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA), RM40 juta nilai jualan langsung, RM600 juta potensi pembiayaan dan padanan perniagaan melalui jangkaan 4,000 permohonan dan 10 juta capaian media.

"Diharapkan MAHA 2024 menjadi medium terbaik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk menyebar luas potensi sektor pertanian dan projek berasaskan teknologi tinggi dalam sektor pertanian.

"Selain itu, MAHA 2024 juga diharap bakal memberi peluang dan ruang kepada peladang, penternak dan nelayan melalui ekspo yang berlangsung sama ada melalui pemerhatian dan pembelajaran dalam teknologi baharu pertanian, mencari ruang pasaran, mempamer serta mempromosi produk masing-masing," katanya.

Beliau dalam masa sama turut memberi jaminan keselamatan pengunjung turut diberi keutamaan sepanjang berlangsungnya acara tersebut dengan menempatkan pelbagai agensi keselamatan di lokasi berkenaan.

Bagaimanapun beliau turut menasihatkan orang ramai untuk berwaspada terutamanya bagi ibu bapa yang membawa anak-anak bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini selain mematuhi semua arahan ditetapkan pihak penganjur.



"Kita percaya memandangkan cuti sekolah dan sebagainya, kita bersedia di kawasan yang berkeluasan 130 hektar ini (MAEPS Serdang) untuk menerima kunjungan seramai tiga juta orang sepanjang tempoh program ini."

- ZURIHANMI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2024	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



BANCI 2024 PERTANIAN

KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN

JULAI-OKTOBER 2024







TERNAKAN



PERIKANAN



PERHUTANAN & PEMBALAKAN



TANAMAN



www.myagricensus.gov.my

Dengan Kerjasama:
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2024	BERITA RTM	ONLINE	

Lebih 3 juta pengunjung dijangka meriahkan MAHA 2024



"Pengunjung dapat melihat aktiviti huluhan seperti padi, nanas, perikanan dan kita ada elemen baharu seperti 'floating market', '3d lighting', 'rythm of farmers' sepanjang ia (MAHA) berlangsung," katanya kepada pemberita selepas menjadi tetamu dalam rancangan terbitan RTM di sini.

Lebih 13 kementerian dan agensi kerajaan bergabung tenaga bagi memastikan kelancaran ulang tahun ke-100 ekspso pertanian terbesar di Asia Tenggara itu.

Dalam pada itu, Lokman Hakim berkata MAHA Go Global menjadi fokus dalam MAHA 2024.

Lokman Hakim berkata penglibatan lebih 16 buah negara mampu menjadi pemangkin sektor keterjaminan makanan yang berdaya tahan, sekali gus meraih pengiktirafan antarabangsa.

"Ini merupakan satu strategi yang mana kita fikir akan dapat membantu usaha kerajaan dalam mengangkat martabat, mengukuhkan dan memperkasakan lagi sektor pertanian dalam usaha mencapai agenda keterjaminan negara.

"Kita bukan lagi jaguh kampung yang bermain dalam pasaran domestik tapi kita ingin berjaya, kita berkecimpung dalam pasaran luar antarabangsa walaupun dalam sektor pertanian dan agromakanan," katanya.

Menerusi pameran itu, Amerika Syarikat, Jepun dan China akan mempamerkan inovasi serta teknologi terkini, selain menampilkan beberapa syarikat yang berjaya dalam aktiviti hiran dan huluhan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

KPKM salur RM5.82 juta bagi projek pemulihan sawah terbiar di tiga daerah di Sabah



Papar dan Tuaran.

SIMBOLIK: Arthur melakukan gimik bagi majlis Pecah Tanah Projek Pemulihan Sawah Padi di Sook.

SOOK: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah dengan kerjasama Kerajaan Sabah menyalurkan peruntukan sebanyak RM5.82 juta bagi pemulihan sawah terbiar di tiga daerah iaitu Sook,

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata peruntukan itu merupakan usaha Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan Kadar Sara Diri Beras di Sabah, di samping membantu meningkatkan hasil pendapatan pesawah dalam sektor berkenaan.

"Daerah Sook merupakan antara kawasan yang sesuai untuk penanaman padi sawah dengan keluasan 538 ekar. Berdasarkan maklumat dalam sistem e-bajak, pada tahun 2023 terdapat yang seramai 556 orang yang mengusahakan sawah padi di daerah ini.

"Sebagai Ahli Parlimen yang membawa suara rakyat dari kawasan pedalaman, projek ini merupakan salah satu usaha yang saya bawakan khusus untuk membantu para pesawah kembali memainkan peranan yang aktif dalam industri padi beras, " katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap menyempurnakan Majlis Perasmian Banci Pertanian 2024 Peringkat Zon Pedalaman Sabah dan Majlis Pecah Tanah Projek Pemulihan Sawah Padi Kampung Tulid, Kampung Kindasan, Kampung Pauh dan Alab Lanas, di Sook.

Mengulas lanjut, Arthur yang juga Ahli Parlimen Pensiangan berkata melalui projek pemulihan itu, KPKM bersama-sama Jabatan Pertanian Sabah mensasarkan untuk membuka dan memulihkan kawasan sawah padi yang terbiar di daerah Sook dengan kawasan seluas 246 ekar serta peruntukan sebanyak RM1.88 juta.

"Antara skop projek ini termasuklah meratakan sawah, membina jalan ladang sejauh 150

meter, perolehan dua buah traktor pembajakan dan sebuah jentera penuai, benih padi, baja dan racun pertanian. Dianggarkan kawasan seluas 246 ekar ini akan dapat mengeluarkan hasil sebanyak 3.0 mt/ha atau keseluruhannya 294 tan, " katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Arthur turut menyeru kepada semua pihak supaya memberikan sokongan yang jitu dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 khususnya memberi kerjasama kepada semua pembanci yang telah dilantik.

Jelasnya, data yang diperolehi akan digunakan sebagai input untuk penambahbaikan program, bantuan dan insentif pertanian yang akan memberi manfaat kepada semua petani, penternak, pekebun kecil, pesawah mahupun nelayan.

"Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 menjadi kayu pengukur 'Kunci Kemajuan Pertanian' dalam pengumpulan data untuk melihat transformasi sektor pertanian negara.

"Saya merasakan bahawa inisiatif ini adalah tepat pada masanya dengan mengambil kira keperluan mendesak bagi mendapatkan data sektor pertanian yang terkini sejak kali terakhir dilaksanakan 19 tahun yang lalu, " katanya.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM, Datuk Azah Hanim Ahmad; Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Leonard Stephan Poyong dan Wakil Penolong Pegawai Daerah Kecil Sook, Fellyntia Sungkang.

Kehadiran ikan asing menguasai sungai di seluruh negeri

Spesies ikan kelah, temoleh di ambang kepupusan

Oleh SAIFULLAH AHMAD
PARIT



Beberapa spesies ikan asli yang menghuni Sungai Perak, Tasik Bukit Merah dan Tasik Temenggor sedang diancam kepupusan berikutan spesies ikan asing menguasai perairan darat negeri ini.

Antara spesies ikan terancam dikenal pasti Jabatan Perikanan Perak antaranya kelah, temoleh, kelisa, lampam sungai, bujuk dan patin buah.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun berus mengenai membandang spesies ikan asing seperti baung ekor merah, bandaraya dan

patin Chaophraya di sungai ser-ta tasik.

Jelasnya, keadaan itu bukan sahaja menjadi ancaman popu-lasi dan habitat ikan asli tetapi turut menjejaskan nelayan darat sekiranya tidak dibendung.

"Kebanyakan berih dan anak ikan asli ini habis dimakan. Ikan asing ini bukan makan ikan kecil sahaja, ikan besar pun dimakan, termasuk spesies ikan komersial seperti kelah dan temoleh.

"Sebab itulah kita beri tumpuan dan pemerhatian se-rius supaya spesies ikan asli ini tidak terkesan dengan ancam-an ikan asing ini," katanya se-lepas menyempurnakan Majlis Penutup Program Memburu Ikan Asing di Dewan Terbuka Ngah Sagor, di sini, pada Ahad.

Hadir sama Pengarah Perikanan Perak, Mohd Ghazali A Manap dan Pegawai Daerah Perak Tengah, Mohd Zaki



Mohd Zolkafly (tengah) berbual bersama pemenang selepas menyempurnakan Majlis Penutup Program Memburu Ikan Asing di Dewan Terbuka Ngah Sagor, Parit.

Abdul Rahman.

Mohd Zolkafly berkata, bagi membendung ancaman itu, Jabatan Perikanan negeri meng-adakan program khusus bertuju-an mengurangkan populasi ikan pemangsa berkenaan.

Katanya, program itu juga

akan diadakan secara berkala melibatkan nelayan darat.

Sementara itu, beliau men-jelaskan, pihaknya bersama Jabatan Perikanan negeri akan mengkaji dan meneliti peruntuk-an Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) 1992 untuk dipinda.



Ikan bandaraya antara spesies paling banyak ditangkap sempena Program Memburu Ikan Asing di Parit pada Ahad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Maqis utamakan keselamatan pengunjung MAHA 2024



Perbincangan bersama wakil Maqis, agensi kerajaan dan swasta untuk memastikan kelancaran MAHA 2024 yang dipengerusikan oleh Shamsul Akbar.

PUTRAJAYA - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) sekali lagi memainkan peranan penting untuk menjaga keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan pengunjung sepanjang

berlangsungnya Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

MAHA 2024 yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merupakan pameran pertanian utama dan terbesar di Asia Tenggara itu akan berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang bermula 11 hingga 22 September 2024.

Sepanjang MAHA 2024 berlangsung, Maqis menerajui Jawatankuasa Keselamatan, Kawalan Trafik dan Kesihatan untuk memastikan kelancaran pameran itu yang dijangka akan dihadiri ratusan ribu pengunjung berikutan ia merupakan penganjuran MAHA yang ke-100.

Menurut Ketua Pengarah Maqis, Shamsul Akbar Sulaiman berkata, Maqis telah menggerakkan kerjasama erat dengan beberapa agensi penting seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

“Maqis juga bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE), Mardi Cooperation, Majlis Perbandaran Sepang, Polis Bantuan dan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Universiti (Palapes) Universiti Putra Malaysia.



Maqis dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan serta swasta memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengunjung pameran tersebut.

“Kerjasama ini adalah untuk memastikan MAHA 2024 berlangsung dalam keadaan yang teratur, selamat dan mematuhi semua aspek kesihatan dan keselamatan,” jelasnya

dalam satu kenyataan.

Shamsul Akbar berkata, MAHA 2024 yang bertemakan ‘Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom’ akan menjadi tumpuan utama penduduk di negara ini dan luar negara untuk melihat sendiri pameran mega dan hebat itu.

“Kami bekerjasama dengan PDRM untuk memastikan laluan utama keluar masuk ke tapak MAHA sentiasa berjalan lancar. Kami menjangkakan aliran trafik dijangka meningkat sepanjang pameran ini,” kata Shamsul Akbar.

Beliau berkata, beberapa langkah kawalan trafik juga telah disusun atur untuk meminimumkan kesesakan lalu lintas dan memberikan keselesaan kepada semua pengunjung.

“PDRM juga akan berada di lokasi untuk memastikan keselamatan umum sepanjang acara berlangsung. Pengoperasian ini melibatkan pegawai dan anggota PDRM di dalam dan diluar kawasan Sepang,” tambah Shamsul Akbar.



Shamsul Akbar (duduk, dua dari kiri) bersama agensi lain mengadakan rondaan di kawasan MAEPS, Serdang.

Menurut Shamsul Akbar, Maqis dengan kerjasama KKM juga menyediakan kemudahan perubatan di enam lokasi di tapak pameran MAHA 2024.

“Maqis mengutamakan aspek kesihatan pengunjung dengan sokongan penuh daripada KKM. Pasukan perubatan sentiasa bersiap siaga untuk memberikan rawatan segera sekiranya berlaku kecemasan,” katanya.

Mengulas lanjut, Shamsul Akbar berkata, agensi itu bersama-sama KKM dan APM akan memastikan segala langkah pencegahan kesihatan dipatuhi dan kemudahan rawatan asas.

“Pihak Hospital Putrajaya, Hospital Serdang dan Hospital Cyberjaya akan memastikan kes kecemasan dan kesihatan di kawasan acara akan dikendalikan dengan segera dan cermat.



“Sebagai tambahan, APM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat akan berada dalam keadaan bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

“Bagi aktiviti air yang akan diadakan semasa pameran MAHA 2024, APM menyediakan bot penyelamat untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku,” kata Shamsul Akbar.

Beliau berkata, kehadiran mereka untuk memberikan respon pantas sekiranya berlaku kecemasan yang memerlukan bantuan segera.

Patuhi arahan

Menurut Shamsul Akbar, lebih 2,000 ruang pameran dan jualan akan disediakan pada MAHA kali ini, Rela turut serta dalam menjaga keselamatan dan membantu dalam mengawal pergerakan orang ramai.



“Pengunjung diingatkan untuk sentiasa mematuhi arahan yang diberikan oleh petugas Rela dan semua petugas bagi memastikan MAHA 2024 berjalan lancar.

“Maqis akan memberikan komitmen yang sepenuhnya untuk menjadikan MAHA 2024 sebagai acara yang selamat dan teratur bagi semua program yang akan berlangsung sepanjang pameran berkenaan,” kata

Shamsul Akbar.

Beliau berkata, kerjasama dan komitmen antara semua agensi yang terlibat adalah kunci kepada kejayaan pameran itu.

Pengunjung adalah dialu-alukan untuk datang beramai-ramai tetapi pada masa yang sama diingatkan untuk sentiasa mematuhi segala peraturan dan arahan keselamatan yang telah ditetapkan.



Malay

taip untuk carian

WILAYAH - SARAWAK > BERITA

Malaysia Catat RM17.5 Juta Di Pameran Makanan Australia

🕒 06/09/2024 02:45 PM



Kredit: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Malaysia

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Penyertaan Malaysia dalam pameran Fine Food Australia dari 2 hingga 5 Sept di Melbourne mencatatkan nilai perdagangan sebanyak RM17.5 juta dengan potensi untuk mencecah RM64.0 juta dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam kenyataan hari ini, penyertaan Malaysia mendapat sambutan baik daripada pemain industri tempatan, termasuk pengimport dan perkhidmatan hospitaliti, dengan potensi untuk memasuki rangkaian pasar raya besar seperti Costco.

"Pameran perdagangan antarabangsa ini menampilkan lima syarikat dari Malaysia dan pengimport Malaysia yang berpangkalan di Melbourne," katanya.

Katanya buah-buahan kering beku, minuman tenaga, sambal, pes masakan dan produk berasaskan durian telah menarik perhatian ramai pengunjung.

Pejabat Kaunselor Pertanian (ACO) di Sydney menyertai pameran itu dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Konsul Jeneral Malaysia di Melbourne Nik Muhammad Nasyron Syah Nik Daud berkata penyertaan negara membuka peluang baharu kepada pengeksport Malaysia dan mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Beliau berkata lebih banyak produk makanan Malaysia akan memasuki pasaran Australia, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Menurut Naib Konsul ACO Sydney Kalaivani Gohbal, Australia antara rakan dagang strategik utama Malaysia dalam sektor agromakanan.

"Dengan masyarakat Australia yang pelbagai dan berbilang budaya, produk makanan Malaysia mempunyai peluang yang besar untuk diterima dengan baik di sini. Kepelbagaian ini mewujudkan ruang untuk produk Malaysia menarik minat pelbagai komuniti di seluruh Australia," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1



Tuai padi darat

NORDIN Sulung, 74, menuai padi darat yang ditanam di halaman belakang rumahnya di Kampung Tebakang, Marang di Terengganu semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIIRY

Akmal Faiz tekad
hasilkan benih,
eksport ikan gourami
ke luar negara

Oleh IZWAN ROZLIN
SHAH ALAM

Anak muda Malaysia pertama ternak ikan gourami

Genggam bara api biar sampai jadi arang. Itu perumpamaan tepat atas usaha seorang anak muda berasal dari Kuala Lumpur yang mengusahakan ternakan ikan gourami.

Mana tidaknya. Dalam tempoh dua tahun mengusahakan ternakan ikan gourami, pelbagai dugaan dihadapi bagi memastikan benih ikan yang dihasilkan mampu mengeluarkan hasil.

Pengarah DSKL Fishery Sdn Bhd, Akmal Faiz Ahmad Kamal, 31, berkata, ikan gourami yang dijadikan hidangan popular di Indonesia sebenarnya mudah diuruskan jika penternak mempunyai pengalaman.

"Saya masih baharu dalam bidang ternakan ikan ini, tapi atas idea dan usaha abang iaitu Akmal Fakhimie kami ke Indonesia untuk mempelajari tentang proses ternakan ikan gourami untuk dikomersialkan.

"Alhamdulillah, daripada situ kami berjaya mempunyai pusat menghasilkan benih anak ikan gourami di Bukit Cerakah, Puncak Alam dan 25 kolam ternakan di Bukit Tagar, Hulu

“

Ikan gourami ini adalah sejenis ikan air tawar yang membiak secara persenyawaan luar dan mempunyai sarang yang dibinanya sendiri, jadi kita kena letak sabut kelapa dalam kolam induk untuk membolehkan sarang dibuat.”

- Akmal Faiz



Selangor," katanya.

Pemegang ijazah Sarjana Muda Sains dalam seni bina ini berkata, ikan itu mula ditenak bermula benih sebesar lima sentimeter dan menjadi matang untuk dituai pada berat 500 gram hingga 1 kilogram setiap satu.

"Ikan gourami sejenis ikan air tawar yang membiak secara persenyawaan luar dan mempunyai sarang yang dibinanya sendiri, jadi kita kena letak sabut kelapa dalam kolam induk untuk membolehkan sarang dibuat.

"Lazimnya ikan betina akan bertelur dan ikan jantan akan memebaskan air mani bagi membolehkan telur disenyawakan," katanya.

Dalam kolam pembiakan terdapat tiga ekor ikan betina dan seekor ikan jantan.

Menurutnya, dalam tempoh enam bulan selepas benih mencapai saiz lima hingga tujuh sentimeter ia akan dimasukkan ke dalam kolam besar.

Akmal Faiz berkata, selain palet yang dicampur dengan bawang, ikan gourami makan daun keladi bagi mengekalkan tumbesaran semula jadinya.

"Daun keladi, kangkung adalah makanan semula jadi kita cuba mengekalkan makanan ini kerana ia mampu mengekalkan tahap antibodi bagi mengelak ikan terkena penyakit," katanya.

Cabaran

Akmal Faiz berkata, antara cabaran yang terpaksa ditempuh sepanjang berkecimpung dalam bidang itu adalah apabila 200 ekor ikannya mati ketika proses penukaran air.



Pusat pembenihan ikan gourami milik Akmal Faiz di Bukit Cerakah.



Akmal Faiz kini mempunyai sebanyak 25 buah kolam ternakan ikan gourami di Bukit Tagar.



Akmal Faiz memegang induk ikan gourami betina yang akan menetas telur.

tekstur dagingnya pejal dan manis bila dimakan dan sesuai juga untuk dimasak secara stim.

"Harga pasaran bagi sekilo ikan ini adalah antara RM35 hingga RM38 dan setakat ini kami telah menjadi pembekal kepada lima buah restoran terkenal di ibu negara," katanya.

Difahamkan ikan gourami atau lebih dikenali sebagai kaloi di negara ini mula mendapat permintaan tinggi dan DSKL Fishery Sdn Bhd bercadang untuk mengeksport ke luar negara.

"Kita sedang berusaha ke arah itu memandangkan ikan ini amat popular di luar negara dan kita menyasarkan pengeluaran melebihi 200,000 ekor ikan dalam tempoh setahun," katanya.

Untuk mengetahui lebih lanjut, boleh menemui Akmal Faiz di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 pada 11 hingga 22 September 2024 di MAEPS, Serdang, Selangor.

"Ikan ini enak digoreng dan